



“ELAKKAN PEMBAZIRAN, KURANGKAN PENJANAAN SISA MAKANAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : يَبْنِي ءَادَمَ خُدُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ
مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ
الْمُسْرِفِينَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT.,



Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Pada hari yang mulia ini marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk: **"ELAKKAN PEMBAZIRAN, KURANGKAN PENJANAAN SISA MAKANAN"**.

Sidang Jemaah yang berbahagia,

Sebagai manusia sudah tentunya kita sentiasa mengharapkan hidup dalam kesenangan, keselesaan dan kebahagiaan. Kita hendaklah mensyukuri dan menghargai setiap nikmat kurniaan daripada Allah SWT yang menjadi keperluan asas bagi kehidupan manusia. Nikmat air, udara, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan sebagainya merupakan ciptaan Allah sebagai pelengkap kepada kehidupan manusia di atas muka bumi. Kerana itulah Islam sangat mementingkan soal menjaga dan memelihara alam sekitar.

Kita selaku manusia yang dikurniakan akal hendaklah memakmurkan dan memelihara bumi kurniaan Allah ini dengan selayaknya, bukannya dengan melakukan kerosakan, melakukan pencemaran dan pembaziran. Pada tahun 2014, rakyat semenanjung Malaysia menghasilkan sebanyak 30,764 tan sisa pepejal (sampah) sehari dan 36,659 tan sisa pepejal sehari untuk seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Malangnya 45.5% daripada jumlah ini adalah sisa makanan dan hampir keseluruhan sisa makanan ini akan dihantar ke tapak-tapak pelupusan. Ini menunjukkan bahawa, rakyat Malaysia secara sedar mahupun tidak telah banyak membazir makanan dengan membuang 16,680 tan makanan sehari ke dalam tong sampah dan seterusnya ke tapak pelupusan. Perkara tersebut



adalah bertentangan dengan ajaran Islam yang suci murni dan amalan membazir itu adalah amalan syaitan.

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 27 :

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ^ص وَكَانَ
الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya".

Antara punca yang mengakibatkan pembaziran ini terjadi adalah seperti berikut:

1. Sikap masyarakat kita suka berbelanja besar ketika membeli barang-barang makanan dan beranggapan bahawa tiada ruginya sekiranya makanan tersebut dibuang.
2. Tiada perancangan rapi dibuat sebelum membeli barangan dapur mengakibatkan sesetengah barangan makanan yang dibeli tidak digunakan sehinggakan ianya terpaksa dibuang kerana telah luput.
3. Sifat tamak haloba, terutamanya ketika menghadiri majlis-majlis jamuan terbuka dan majlis berbuka puasa. Pengambilan juadah yang banyak gara-gara mengikut hawa nafsu dan perut yang lapar mengakibatkan makanan diambil dalam kuantiti yang banyak dan akhirnya tidak habis dimakan dan seterusnya dibuang ke dalam tong sampah.

Sidang Jumaat yang berbahagia,



Pembaziran makanan ini bukan sahaja bertentangan dengan ajaran Islam, malah ianya juga akan menimbulkan masalah seperti berikut:

1. Mencemarkan alam sekitar, kerana sisa makanan yang dibuang akan mereput dan menghasilkan gas-gas beracun seperti gas metana yang cepat membakar dan gas karbon dioksida seterusnya mengakibatkan pemanasan global. Akibatnya terjadilah bencana alam yang tidak pernah berlaku sebelum ini seperti banjir besar, rebut kuat dan sebagainya. Selain itu, proses pereputan ini juga akan menghasilkan air larut resap yang mana sekiranya tidak dirawat dengan betul boleh mencemarkan bekalan air minuman kita dan hidupan akuatik dalam sungai tersebut seperti ikan, udang dan sebagainya akan mati. Malah sekiranya ia mengalir ke laut nescaya akan menjejaskan hidupan di lautan yang mengakibatkan bekalan ikan negara kita terjejas.

Firman Allah SWT dalam surah ar-Rum ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ
لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

"Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan-tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)".



2. Pembaziran wang rakyat, kerana proses rawatan air larut resap dan gas metana sehingga menepati piawaian memerlukan sejumlah wang yang agak banyak dan penghasilan air dan gas tersebut akan berterusan selama berpuluh-puluh tahun walaupun tapak pelupusan telah ditutup.
3. Menjejaskan bekalan air, dimana sekiranya air kumbahan tersebut tidak dapat dirawat dengan betul dan mengalir masuk ke loji rawatan air setempat ianya akan mengakibatkan loji tersebut akan terhenti operasinya dan seterusnya mengakibatkan puluhan ribu isi rumah terjejas bekalan air bersih.
4. Bekalan makanan Negara boleh terjejas akibat permintaan yang melebihi penghasilan makanan Negara. Akibatnya harga bekalan makanan seperti beras, gula, tepung, ayam dan sebagainya akan naik dengan mendadak dan terdapat sesetengah bekalan makanan tersebut terpaksa diimport. Dengan keadaan cuaca dunia yang tidak menentu akibat peningkatan suhu global, hasil pengeluaran tanaman dikebanyakan Negara pengeksport bekalan makanan telah menurun, seterusnya mengakibatkan kos pengimportan bahan makanan akan meningkat.

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Dalam hal ini, kita berharap Pihak Kerajaan melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya dapat meneruskan usaha keras bagi mengatasi masalah ini dengan mengadakan kempen-kempen kesedaran seperti larian kitar semula, poster-poster, penubuhan bank kitar semula di sekolah-sekolah, seminar-seminar dan lain-lain program.



Selain itu, pihak kerajaan juga sedang membina tapak-tapak pelupusan sanitari baru, menaiktaraf tapak pelupusan sedia ada, membina loji incinerator dan loji pengkomposan bagi menampung keperluan semasa pengurusan sampah negara. Bagaimanapun, usaha kerajaan tersebut akan sia-sia sekiranya rakyat Malaysia masih lagi mengamalkan gaya hidup sedia ada dengan menghasilkan sampah dengan sewenang-wenangnya.

Dalam sebuah hadis yang telah diriwayatkan bahawa sahabat baginda Rasulullah SAW, Saidina Abu Bakar As-Siddiq pernah berpesan kepada keluarganya agar mengkafankan beliau dengan baju yang beliau miliki. Ini kerana beliau berpendapat bahawa, kain yang baru boleh dimanfaatkan oleh orang yang masih hidup. Disini memperlihatkan kepada kita bahawa sahabat Rasulullah SAW juga menunjukkan sikap yang sama dengan Rasulullah SAW iaitu mengoptimumkan penggunaan sesuatu barang.

Sidang Jemaah yang berbahagia sekalian,

Oleh yang demikian, marilah kita bersama-sama berganding bahu bagi mengatasi masalah ini dengan mengamalkan perkara-perkara seperti berikut:

1. Menanamkan sikap menghargai makanan dan mendidik anak-anak agar tidak membazirkan makanan.
2. Mengamalkan sikap berjimat cermat dengan mengambil makanan dalam jumlah yang diperlukan.
3. Merancang dan menyenaraikan pembelian barangan dapur agar tiada pembelian barangan makanan yang tidak diperlukan.



4. Mendermakan makanan yang berlebihan kepada badan-badan kebajikan dan golongan yang memerlukan seperti fakir miskin dan sebagainya.
5. Memproses atau mengkompos sisa-sisa makanan untuk dijadikan baja yang kemudiannya boleh digunakan bagi menyuburkan tanah dan tanaman.
6. Gunakanlah kemudahan-kemudahan pembuangan sampah yang telah disediakan di pusat-pusat kitar semula.
7. Umat islam bertanggungjawab menjaga kebersihan dan tidak membuang sampah merata-rata.

Hadis daripada Abu Malik al-Asy'ari RA. bahawa Rasulullah SAW bersabda :

الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ

"kesucian atau kebersihan itu sebahagian daripada Iman".

Dengan ini, dapatlah disimpulkan bahawa pembuangan sampah dan sisa makanan merata-rata bukan sahaja memberi kesan yang buruk kepada kita dan alam sekitar malah ianya adalah salah disisi agama. Oleh yang demikian, marilah kita bersama-sama dengan pihak kerajaan dalam usaha mengurangkan sisa-sisa makanan tersebut.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ
السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ^ص وَسَخَّرَ
لَكُمْ الْفُلْكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ^ص وَسَخَّرَ لَكُمْ
الْأَنْهَارَ

"Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintah-Nya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya)".

(Ibrahim : 32).



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami mohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami mohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir dan miskin serta



mereka yang mewakafkan dan menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.